

# Pencarian bot hilang diteruskan

Sinar Harian 16/7/2018 m/s 35

Nelayan minta UMT guna kepakaran dan peralatan cari bot karam itu

MOHD AZLIM ZAINURY

MARANG

**S**ehingga hari ini, bot bernombor TFA 123 dinaiki empat nelayan yang karam ketika dalam perjalanan mencandat sotong di perairan Marang 10 hari lalu masih belum ditemui.

Usaha mencari bot milik Mohd Azmi Mohd Saad, 39, yang berasal dari Kampung Paya Resak, Bukit Payong itu akan diteruskan sehingga bot bernilai hampir RM80,000 itu dapat ditemui semula.

Mohd Azmi berkata, usaha itu tidak akan ditamatkan dan dia dibantu oleh rakan-rakan nelayan akan terus berusaha bagi mengesani bot yang baharu sahaja dibeli bapanya, Mohd Saad Taib, 66, pada 12 April lalu.

"Saya bergantung sepenuh masa kepada kerja sebagai nelayan jadi hanya bot berkenaan punca rezeki saya. Saya akan terus mencari bot itu dengan apa cara sekalipun agar ia dapat ditemui semula."

"Saya juga telah membuat bantuan kepada pihak Universiti Malaysia Terengganu (UMT) untuk menggunakan kepakaran dan peralatan mereka dalam usaha mencari bot karam tersebut," katanya, hari ini.



Bot mangsa sebelum karam.

## UMT beri respons positif

Pemegang ijazah perakaunan itu turut memaklumkan pihak UMT sudah memberikan persetujuan untuk membantu namun kerja-kerja mencari bot karam itu hanya akan bermula 8 Ogos depan.

Terdahulu, dalam kejadian kira-kira jam 5 petang itu, Mohd Azmi bersama bapanya, Mohd Saad dan dua lagi rakan keluar untuk mencandat sotong namun perjalanan mereka terganggu apabila bot di-naiki dipukul ombak.

Menurutnya, gelombang besar serta angin kuat telah menghanyutkan bot tersebut sebelum bot berkenaan terbalik yang akhirnya mulai tenggelam di perairan muka Kuala

Mercang, di perairan berkenaan.

"Saya sempat (lagi) menelefon sahabat di darat untuk meminta bantuan dengan memberikan lokasi kejadian itu kepadanya dan dia kemudiannya datang (tiba) lebih kurang sejam lebih untuk bagi bantuan."

"Keempat-empat (mangsa) yang terlibat sempat berpaut pada bot yang sedang tenggelam itu, kami semua pakai jaket keselamatan. Situasi kami amat cemas sepanjang menunggu bantuan tiba," katanya.

## Harap ada pihak bantu kos baik pulih bot

Dalam pada itu, Mohd Azmi amat berharap ada pihak yang sudi meringankan beban yang di-



MOHD AZMI

tinggi.

"Saya berharap ada pihak yang sanggup memberi bantuan berbentuk kewangan bagi menampung perbelanjaan sekiranya bot itu di-temui khususnya bagi kos baik pulih ataupun bantuan yang bersesuaian."

"Ini bagi membolehkan saya meneruskan kehidupan saya sebab saya hanya bergantung sepenuh masa kepada kerja sebagai nelayan," katanya.

tanggung lebih-lebih lagi pekerjaan itu merupakan punca pencarian utamanya walaupun dia mempunyai kelulusan akademik yang



Usaha mencari bot melibatkan ahli Persatuan Nelayan Kawasan Marang.

Kumpulan nelayan terbabit menggunakan bot masang-masing bagi mengesani bot milik Mohd Azmi di perairan Marang.



Bot ini mengambil masa hampir dua jam sebelum tenggelam sepenuhnya.